

**Tun Abdullah dianugerah Ijazah Doktor Kehormat  
Utusan Online  
Julai 16, 2011**

CYBERJAYA 16 Julai - Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi hari ini dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat dalam bidang Pembangunan Modal Insan oleh Universiti Limkokwing di sini.

Ia disampaikan oleh Pengasas dan Presiden universiti tersebut, Tan Sri Lim Kok Wing.

Penganugerahan itu merupakan pengiktirafan terhadap usaha Abdullah dalam pembangunan modal insan sepanjang tempoh dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia Kelima.

Selain Abdullah, lebih 900 pelajar Universiti Limkokwing dari 58 negara, termasuk Malaysia turut menerima ijazah dalam bidang pengajian masing-masing.

Dalam ucapan penerimaannya, Abdullah berkata, beliau percaya aspek pembangunan modal insan yang berkualiti adalah jalan penyelesaian terbaik dalam proses membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang 2020.

Ini kerana menurut beliau, sesebuah negara yang tidak memiliki warganegara berkemahiran dan berpendidikan sempurna tidak akan mampu mencapai kejayaan di pentas antarabangsa.

"Pembangunan modal insan kini menjadi fokus utama masyarakat dunia kerana kira-kira separuh daripada jumlah penduduk dunia adalah di bawah umur 25 tahun.

"Justeru, tidak mahir dan berpelajaran bermakna satu kehilangan besar iaitu hilang peluang untuk bersaing dan berjaya," katanya.

Sehubungan itu, kata Abdullah, kerajaan perlu memberi penekanan bagi memastikan sistem pendidikan sedia ada mampu melahirkan modal insan yang diperlukan.

Ini kerana tambah beliau, pendidikan adalah satu proses yang bukan hanya untuk membina kemahiran tetapi juga bagi memperkukuhkan aspek rohani dan jati diri seseorang individu.

"Kita perlu mengembangkan kemahiran rakyat dahulu sebelum kita boleh mengembangkan ekonomi kerana tanpanya mereka akan kekal terperangkap dalam lingkungan kemiskinan dan kejahilan, maka konflik dan masalah sosial akan berterusan," katanya.



Abdullah Ahmad Badawi dianugerahkan Ijazah Kehormat Kedoktoran Pembangunan Modal Insan daripada Lim Kok Wing pada Majlis Konvokesyen 2011 universiti itu di Cyberjaya, semalam. Turut hadir isterinya, Tun Jeanne Abdullah (duduk, kanan). - BERNAMA

---

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0717&pub=utusan\\_malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_12.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0717&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_12.htm&arc=hive)